


NABI MUHAMMAD S.A.W.

MAULUDIL RASUL

FIRMAN Allah terhadap Muhammad s.a.w.: "Bukankah Allah dapati engkau yatim, lalu Ia pelihara? Bukankah Ia dapati engkau bingung, lalu Ia tunjuki? Dan bukankah Ia dapati engkau miskin, lalu Ia beri kecukupan?"

Bapanya, Abdullah bin Abdul Muttalib, sudah meninggal dunia dua bulan sebelum ia dilahirkan. Tetapi apa yang telah dikurniakan Allah kepadanya di dalam keadaan yatim itu, adalah lebih dari ketiadaan yang disebabkan pemergian bapanya itu. Iaitu pemeliharaan ibunya, lalu neneknya dan akhirnya pamannya. Dengan pertumbuhan tubuh dan jiwa sangat wajar, ia menjadi seorang anak yang sangat indah. Mula-mula menjadi pengembala kambing, meningkat menjadi pedagang, menjadi terkenal di tengah orang banyak kerana tingkahlakunya yang indah menarik setiap insan yang mengenalinya, akhirnya kahwin mendapatkan seorang jodoh yang amat ideal, lalu berpengaruh dan berwibawa, menjadi penyantun anak yatim dan orang-orang miskin.

Keyatimannya telah diganti Allah dengan ilmu, pengalaman dan budipekerti. Allah telah mendidiknya dengan pendidikan yang amat baik, mempersiapkan dirinya menjadi pembawa tugas kenabian, kerasulan dan pengembang syariat, sebagai penutup dan semua Nabi dan Rasul. Bahkan ia dijadikan Allah menjadi makhluk terbaik di tengah-tengah makhluk Allah yang banyak.

Kemelaratan yang dideritanya semenjak kecil telah diganti Allah dengan kecukupan, Allah memberkatinya dalam perdagangannya, dalam kehidupannya di tengah ummat manusia dengan nama yang baik, kepercayaan manusia atas dirinya dan akhirnya dengan kesempurnaan agama yang diajarkannya.

Setelah dia mencapai usia enam tahun, dia dibawa ibunya dalam perjalanan jauh dan Makkah ke Madinah untuk mengunjungi keluarganya Bani Najjar, iaitu emak saudara dari sebelah bapanya, dengan maksud mengunjungi rumah tempat bapanya meninggal dunia sebelum ia lahir, juga menziarahi kubur bapanya itu. Muhammad dan ibunya menetap beberapa hari lamanya di tengah tengah keluarga bapanya itu dengan mendapat penghargaan yang sangat baik dari segenap tetangga.

Ketika dalam perjalanan kembali ke Makkah, ibunya sakit, lalu meninggal dunia dan di kuburkan di suatu tempat yang bernama Abwa. Setelah ibunya dikuburkan, semua orang sudah kembali ke rumah masing-masing, tinggallah Muhammad bersama pengasuhnya di dekat kubur itu, terdiam tidak keluar kata, di bawah terik panas matahari padang pasir. Sedang di saat itu ia masih anak kecil berumur enam tahun. Airmatanya mengalir membasahi kubur ibunya, meratapi yang juga sudah bertindak sebagai ganti bapanya. Dengan kematian ibunya ini, tinggallah dia tanpa bapa dan ibu, yatim piatu.

Setelah lama berdiam, dia menoleh keliling, kiranya tidak seorang juga lagi manusia yang berada di tempat itu, selain Ummu Aiman pembantunya.

Ummu Aiman lalu menyapu airmata yang mengalir di pipi Muhammad, sambil berkata menghiburkan dan

menenangkan kalbunya, membangkitkan keberanian hatinya menghadapi kesedihan dan kehidupan. Muhammad berkata kepada Ummu Aiman: "Hai, Ummu Aiman, saya sudah kehilangan ibu dan bapa, kehilangan dua naungan yang menaungi kepalaku, sedangkan saya masih dalam perjalanan antara dua negeri, maka ke manakah seharusnya saya menuju sekarang ini, hai Ummu Aiman? Apakah meneruskan perjalanan ke Makkah atau kembali ke Madinah?"

Mendengar pertanyaan ini, meletuslah tangis Ummu Aiman yang selama itu ditahannya. Airmatanya menghujan jatuh membasahi tanah yang tandus itu. Peluh dinginnya mengalir di sekujur badannya, suaranya menjadi serak (parau) ketika dia mencuba menjawab pertanyaan Muhammad dengan pertanyaan pula:

"Ya, ke manakah engkau ingin tuju, hai Muhammad? Apakah kepada bapamu Abdul Muttalib, penghulu (ikutan) bangsa Quraisy, agar engkau bertempat tinggal bersama dia di bawah naungannya?"

Muhammad segera bertanya: "Mengapa engkau katakan bapaku Abdul Muttalib? Bapaku? Jangan dikatakan bapaku, tetapi katakanlah nenekku, sebab bapaku sudah meninggal dan hari ini sudah meninggal pula pengganti bapaku, iaitu ibuku. Ya, Abdul Muttalib adalah nenekku, bapa dan bapaku. Antara saya dan nenekku ada antara, di antara itulah ada paman-pamanku, anak-anak dan paman-pamanku itu, dan saya adalah salah seorang dan mereka yang banyak itu."

Dengan perkataan itu Muhammad membayangkan akan kedudukannya di bawah neneknya, kerana dia adalah satu di antara yang banyak. Jadi tentu lain dengan di bawah ibu atau bapanya sendiri.

Begitulah Muhammad dengan pembantunya, Ummu Aiman, meneruskan perjalanan ke Makkah, lalu Muhammad diserahkan oleh Ummu Aiman kepada datuknya Abdul Muttalib. Abdul Muttalib sangat sedih hatinya ketika menerima cucunya yang amat dicintainya itu.

Kecintaan Abdul Muttalib terhadap Muhammad dan kecintaan Muhammad terhadap Abdul Muttalib sama setara. Demikianlah secara pendek bayangan kehidupan kedua makhluk itu. Tetapi dua tahun kemudian, datuknya yang tercinta ini pun meninggal dunia pula. Tidak kurang kesedihan Muhammad dengan kematian datuknya ini dengan kematian ibunya, malah menurut Muhammad sendiri, adalah lebih sedih.

Ketika orang ramai sudah pulang ke rumahnya masing masing setelah selesai menguburkan datuknya, Muhammad tetap berada di dekat kubur itu menangis dan meratap dengan airmata yang tak putus-putusnya menitis ke bumi yang kering. Berkata ia: "Engkaulah bapaku sesudah bapaku, engkaulah yang telah dapat meringankan penderitaan hidupku, yang selalu mengusapkan tangan membelai kepalaku untuk mengurangkan kesedihan hati dan penderitaanku sepeninggalan ibuku. Apakah sepeninggalanmu, hai datuk, aku akan kembali menderita?"

Muhammad lalu memalingkan mukanya kepada Ummu Aiman yang berada di belakangnya, lalu berkata: "Sekarang ke mana aku harus pergi, ya Ummu Aiman?"

Mendengar kata-kata sedih berkabung dan pertanyaan Muhammad itu, Ummu Aiman tidak dapat menahan airmata sedihnya. Ia menangis sambil meletakkan tangannya di bahu Muhammad, lalu berkata: "Engkau bertanya ke mana, bukankah masih ada

bapamu, iaitu Abu Talib, ya Muhammad." Muhammad terdiam sejenak, lalu berkata: "Bapaku Abu Talib, hai Ummu Aiman? Bukankah bapaku sudah meninggal, begitu juga bapa dan bapaku? Bukankah Abu Talib itu bapa saudaraku, saudara bapaku? Katakanlah ia adalah bapa saudaraku, hai Ummu Aiman. Beliau adalah seorang mulia, terkemuka, mempunyai kehebatan dan kemuliaan, terpandang dalam masyarakatnya. Tetapi bukankah beliau seorang melarat, yang banyak anak, hai Ummu Aiman? Kalau aku engkau serahkan kepada beliau, tentu saja beban beliau akan bertambah berat. Aku tak suka menambah beratnya beban seseorang."

Abu Talib ini adalah seorang yang sangat cinta terhadap Muhammad, tidak kurang dari kecintaan datuknya dan ibunya. Ummu Aiman menyerahkan Muhammad kepada bapa saudaranya, Abu Talib.

Kerana keadaan kehidupan Abu Talib yang melarat itu, maka Muhammad terpaksa berusaha bagaimana dapat meringankan beban pamannya itu. Sekalipun masih kanak-kanak, ia berusaha mendapatkan penghasilan sekalipun bagaimana juga kecilnya. Ia menerima upah menggembalakan kambing orang. Kemudian berdagang-dagang kecil. Pada suatu kali, Muhammad turut berdagang bersama pamannya, Abu Talib, ke Syam. Muhammad mulai mengenal pasar-pasar, berjalan bahu-membahu dengan pedagang-pedagang lainnya.

Di suatu dataran tinggi di Syam, tinggallah seorang pendita bernama Buhaira. Ia memerhatikan setiap orang yang lalu dan pergi ke daerahnya itu. Ia seorang yang amat tekun beribadat menyembah Tuhan, membaca kitab-kitab lama. Di antaranya ia membaca Injil Barnaba, dimana tertulis bahawa Isa al-Masih pernah berkata, bahawa akan datang seorang Rasul sesudahku namanya Ahmad, dan bila Rasul Ahmad ini berjalan akan dilindungi oleh awan.

Pada suatu hari Pendita Buhaira melihat serombongan kafilah Arab datang menuju Syam yang selalu diikuti oleh awan di atasnya. Kafilah ini didatanginya, dipersilakannya mampir di rumah kediamannya. Kafilah ini adalah kafilah yang dipimpin oleh Abu Talib, dimana Muhammad turut serta di dalamnya.

Pendita Buhaira memperhatikan gerak-gerik anak yang bernama Muhammad itu, akhirnya ia yakin bahawa anak itulah yang akan diutus Allah menjadi Nabi dan Rasul sesudah Isa al-Masih a.s. memberi nasihat kepada Abu Talib agar anak ini dijaga baik baik, jangan terlengah dari penjagaan, sebab ia kelak akan menjadi seorang maha penting.

Dengan nasihat dan keyakinan Pendita Buhaira ini, Abu Talib semakin cinta terhadap anak saudaranya yang bernama Muhammad ini. Bukan saja cinta, melainkan ditambah dengan perasaan harap dan hormat.

Begitulah Muhammad hidup di tengah-tengah kaumnya semakin menjadi dewasa, dengan sifat dan akhlak yang indah, sehingga menjadi satu teladan dan buahbibir setiap orang. Tersiarlah bahawa ia seorang pemuda yang boleh dipercayai, yang hidup dari perdagangannya penuh dengan berkat, sehingga banyak pedagang-pedagang besar yang ingin menjadikan Muhammad sebagai pelaksana atau pembantunya.

Yang pertama melamar Muhammad untuk jabatan ini ialah seorang pedagang wanita yang kayaraya bernama Khadijah binti Khuailid, seorang janda muda yang ayu pula. Muhammad diberinya seorang pembantunya. Dalam perdagangan ini Muhammad mendapatkan keuntungan dan simpati yang luarbiasa ke mana saja dia pergi

berdagang. Khadijah yang pada mulanya hanya sekadar percaya terhadap Muhammad, lama-lama berubah menjadi hormat dan kagum, akhirnya jatuh cinta kepadanya, sekalipun umurnya lebih tua dari Muhammad.

Akhirnya terjadilah perkahwinan antara keduanya, satu perkahwinan yang amat indah dan ideal sekali, penuh dengan rasa saling mencintai, hormat-menghormati dan percaya-mempercayai.

Khadijahlah isteri yang paling dicintai Rasulullah. Rasulullah tidak pernah kahwin lain semasa Khadijah hidup. Dialah orang yang pertama masuk Islam, ibu untuk semua anak anak Rasulullah selain Ibrahim, ialah wanita pertama yang masuk Syurga, yang membela Rasulullah dengan jiwa, harta dan cintakasihnya di saat Rasulullah mendapat tentangan dari kaumnya. Ketika Khadijah meninggal, Rasulullah sedih sesedih-sedihnya sehingga tahun kematian Khadijah ini dinamai Rasulullah tahun sedih.

Umur empatpuluh tahun Muhammad diangkat Allah menjadi Nabi dan RasulNya, lalu menyebarkan segala wahyu yang diturunkan Allah kepadanya dengan perantaraan Malaikat Jibril a.s. Tiga tahun lamanya ajaran atau wahyu yang diterimanya ini disiarkan dengan diam-diam dan sembunyi-sembunyi sehingga yang beriman hanyalah orang-orang yang dekat kepada Rasulullah saja iaitu Khadijah, Abu Bakar, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Haritsah (budak yang dijadikan anak angkat kesayangan Rasulullah), iaitu bapa Usamah.

Keempat manusia pertama yang masuk Islam ini menjadi lambang Agama Islam sampai hari kiamat. Khadijah adalah seorang wanita, iaitu wanita yang pertama masuk Islam. Abu Bakar adalah seorang tua yang dalam akal dan pemikirannya lambang seorang cendekiawan atau intelek. Ali bin Abu Talib adalah seorang anak atau pemuda, sedang Zaid bin Haritsah adalah seorang budak. Jadi Agama Islam itu dapat diterima oleh wanita, cerdikpandai, anak muda dan golongan budak.

Setelah tiga tahun berdakwah secara sembunyi-sembunyi (diam-diam), dan mendapat beberapa orang pengikut yang masih sedikit jumlahnya, lalu Allah memerintahkan agar berdakwah secara terbuka atau terang-terangan. Maka di saat itu timbullah tentangan-tentangan. Rasulullah memerintahkan manusia untuk menyembah Allah saja, harus meninggalkan tuhan-tuhan mereka yang berupakan berhala-berhala dan lain-lain sembahan. Rasulullah memerintahkan mereka agar meninggalkan segala kejahatan dan mengerjakan kebaikan. Rasulullah mereka tentang, mereka musuhi, mula-mula dengan kata-kata, kemudian dengan maki-makian, penghinaan, ancaman-ancaman, dan pembunuhan-pembunuhan. Dua belas tahun lamanya Rasulullah dan pengikut-pengikut beliau yang masih sedikit jumlahnya itu bekerja, berdakwah dan menyeru mereka di tengah-tengah segala penghinaan, dan penganiayaan itu.

Kerana jumlah mereka masih amat sedikit, mereka tidak mempunyai kekuatan, sedangkan musuh-musuh mereka amat banyak dan kuat, maka Allah perintahkan kepada RasulNya dan para pengikutnya agar bersabar dan tabah menahankan ancaman dan penganiayaan ini. Bagaimana kesabaran dan ketabahan Rasulullah dan para sahabat beliau, sudah sama kita ketahui dengan membaca sejarah beliau dan para sahabat yang lengkap.

Akhirnya Rasulullah dan pengikut-pengikut beliau diizinkan Allah berhijrah meninggalkan kampung halaman mereka. Sebagaimana mereka diperintahkan Rasulullah pindah ka Habasyah (Ethiopia) dan sebahagian

lainnya ke Madinah. Rasulullah bersama Abu Bakar as-Siddiq pun diperintahkan Allah meninggalkan kota Makkah, kerana sudah berdiri gerombolan pemuda-pemuda Quraisy yang akan membunuh beliau di mana saja beliau diketemukan.

Di Madinah Rasulullah mendapatkan pengikut yang makin lama makin ramai jumlahnya. Di antaranya pemuda-pemuda yang ahli bertempur atau ahli-ahli perang, iaitu kaum Ansar. Kerana mendapatkan pengikut, maka musuh-musuh golongan Quraisy menjadi semakin marah. Mereka menyusun suatu kekuatan pasukan yang akan menyerang Muhammad s.a.w. dan para pengikut beliau ke kota Madinah.
Barulah di saat itu Allah memerintahkan Rasulullah dan pengikut-pengikut beliau kaum Muslimin supaya bersiap-siap untuk melawan atau bertempur, bila diserang oleh musuh-musuh mereka. Sekalipun dengan jumlah yang amat kecil dan musuh dengan jumlah yang amat besar, mereka akan menentang musuh-musuh yang datang menyerang. Terjadilah perang pertama iaitu perang Badar yang amat masyhur itu. Rasulullah dan kaum Muslimin menang, kemenangan yang pertama.

Dalam keadaan bahaya yang amat berat itu, tiba-tiba di Madinah berdiri pula satu golongan manusia yang terdiri dan orang-orang Yahudi, yang juga menyusun kekuatan untuk menghancurkan Rasulullah dan kaum Muslimin. Mula-mula Rasulullah mengajak mereka bekerjasama, tidak serang-menyerang, bebas dengan agama dan penghidupan masing-masing. Bahkan sampai diadakan perjanjian perdamaian dan persahabatan. Tetapi orang orang Yahudi hanya menghormati akan janji itu kalau mereka lemah dan musuh kuat. Setelah Rasulullah berulangkali diserang oleh kaum Musyrikin Makkah, sedang Rasulullah dan pengikutnya amat sedikit jumlahnya, maka orang-orang Yahudi berpendapat, tentu akhirnya Rasulullah dan pengikut-pengikutnya itu akan kalah dan hancur. Maka mereka berusahalah turut menghancurkan dan menyerang kaum Muslimin yang sedikit itu. Keadaan Rasulullah dan kaum Muslimin di Madinah akhirnya menghadapi bahaya amat besar. Dengan tegas Allah memerintahkan Rasulullah dan kaum Muslimin untuk melawan, sekalipun sepuluh menghadapi seratus musuh, atau seratus menghadapi seribu musuh, harus melawan. Bahkan ditegaskan oleh Allah bahawa Allah akan menolong dan akan mengirimkan bantuan-bantuan dari langit.

Begitulah pertempuran demi pertempuran, perang demi perang terjadi antara Rasulullah beserta pengikut-pengikut beliau dengan musuh-musuh mereka yang terdiri dari berbagai-bagai golongan Musyrikin Quraisy, golongan Yahudi dan golongan Munafikin. Dalam pada itu penyebaran Agama Islam diteruskan dengan giatnya. Setiap orang Islam lelaki atau perempuan, anak-anak sekalipun diwajibkan menyebarkan ajaran yang dibawa Rasulullab ini di mana saja mereka berada, di pasar, di medan perang dan lain-lain.

Akhirnya Semenanjung Arab yang luas itu seluruhnya dapat dikuasai oleh Rasulullah, sehingga penyebaran agama semakin meluas, dan sebelum Rasulullah meninggal dunia dalam umur enam puluh tiga tahun, hampir seluruh bangsa Arab sudah memeluk Agama Islam, selain beberapa orang dan golongan saja yang tetap beragama Yahudi atau Nasrani. Lebih-lebih lagi sesudah kota Makkah dapat direbut kembali pada tahun 6 H., musuh-musuh besar Rasulullah berubah menjadi sahabat-sahabat kental dan pejuang-pejuang Islam yang terkenal sampai hari ini.

Setelah bangsa Arab yang bodoh, jahat dan kejam itu masuk Agama Islam,

berubahlah segala keadaan mereka. Berubah kepercayaan, berubah akhlak dan budipekerti mereka, menjadi satu bangsa sekalipun kecil tetapi bersatu, sehingga mereka dapat mengalahkan bangsa-bangsa besar sekalipun. Agama Islam tersebar ke timur dan ke barat, adalah sebagai akibat dan ketinggian akhlak dan budipekerti dan tentera-tentera Islam yang menduduki berbagai-bagai daerah. Rahsia dan kemenangan demi kemenangan yang mereka capai itu adalah terletak pada akhlak mereka, dan juga terletak pada kerusakan akhlak dan tentera yang menjadi musuh mereka. Rakyat banyak, laki-laki perempuan menjadi lebih senang dan terjamin keamanan mereka di bawah tentera Islam daripada di bawah pemerintahan atau tentera Rumawi atau Persia, yang memang tentera-tentera yang amat kejam tidak punya perikemanusiaan.

Bangsa-bangsa yang sudah masuk Agama Islam itu mempelajari Kitab Suci al-Quran, membaca dan menghafalkannya, sehingga dalam masa hanya satu abad saja, semua bangsa-bangsa itu menjadi bangsa-bangsa yang berbahasa Arab, bahasa al-Quran. Sungguh al-Quran ini selain Kitab Suci yang menjadi sumber kepercayaan dan hukum ummat Islam, juga merupakan mukjizat terbesar sampai hari ini dan sampai hari kiamat nanti. Ada kemungkinan al-Quran ini akan dipelajari dan dibaca oleh manusia di seluruh dunia, kerana indahnya, hebat isinya dan satu Kitab Suci yang tidak ada keraguan padanya.

Bangsa-bangsa Barat yang sejak abad pertengahan berhasil menjajah bangsa-bangsa Timur yang beragama Islam, mencuba menghancurkan Agama Islam dengan politik kolonialisme dan kristenisasi dalam masa berabad-abad lamanya, tidak berhasil inengkristiankan ummat Islam. Sangat nyata keunggulan Agama Islam ini Akhirnya sesudah perang dunia kedua, ummat Islam terjajah berhasil mencapai kemerdekaan. Bangsa-bangsa Barat mulai sedar, mulai tertarik kepada Islam, mereka pelajari, lalu banyak diantara mereka masuk menjadi pemeluk Agama Islam.

BILAL

Telah datang seorang tamu ke rumah Umaiyah bin Khalaf ketika dia sedang berada di rumahnya menghirup udara pagi yang nyaman.

"Belum sampai kabar kepadamu?" tanya tamu itu.

"Kabar apakah itu?" jawab Umaiyah dengan heran.

"Aku melihat dengan mata kepalaku sendiri, bahawa budakmu yang bernama Bilal, sering sekali datang ke rumah si Muhammad di waktu malam dengan sembunyi-sembunyi. Kadang-kadang di waktu siang hari, kiranya engkau lengah tak mengetahuinya. Melihat gerak-geri dan airmukanya, rupanya dia masuk ke agama baru yang dibawa Muhammad itu dan meninggalkan agama kita, bererti mengenyahkan Tuhan Lata dan Uzza (berhala)."

"Apakah benar khabarmu ini?" tanya Umaiyah dengan cepat. "Cukupkah bukti buktinya?" tanyanya pula.

"Tentu, ini bukan khabar bohong, justru itulah sebabnya saya datang, untuk memberitahu kamu kalau kalau kamu belum tahu, agar engkau bertindak segera terhadap budakmu itu, jangan mencemarkan nama kita yang menjadi tuan-tuan yang berbudak belian, sehingga nama kita akan rosak kerananya," jawab tamunya pula.

Dengan hati yang mengkal dan marah, Umaiyah kembali ke rumahnya seakan-akan tidak tahu apa yang harus dilakukannya, kerana sangat marahnya. Tidak lama kemudian, Bilal pun datang, lalu berdiri di hadapan Umaiyah dengan agak takut-takut tampaknya. Dengan marah besar, Umaiyah lalu berkata kepada Bilal: "Khabar buruk sudah sampai kepadaku, tentang dirimu. Jangan engkau bersembunyi sembunyi diri kepadaku. Sekarang mengakulah terus terang, benar tidaknya khabar itu. Engkau sering pergi ke rumah Muhammad di waktu malam. Engkau sudah terperosok memasuki agama baru yang dibawa Muhammad, serta meninggalkan Tuhanmu Lata dan Uzza!"

Bilal menjawab dengan tenang: "Bila tuan sudah mendengar khabar itu dan telah mengetahui akan keadaanku ini, maka aku pun tidak akan menyembunyikan hal itu lagi. Memang aku sering kerumah Muhammad, aku percaya bahawa dia adalah Rasul Allah, aku beriman dengan agama yang dibawanya, iaitu Agama Islam yang suci murni."

"Tidakkah engkau tahu," kata Umaiyah kepada Bilal, "bahawa engkau adalah budak belianku? Sejak engkau kubeli dengan wangku, engkau adalah barang kepunyaanku. Aku berkuasa atas seluruh tubuh dan jasadmu. Engkau tidak berhak dan berkuasa apa-apa untuk melanggar keinginan dan kemahuanku atas dirimu, walau dengan cara bagaimana sekalipun!"
Bilal menjawab: "Memang aku adalah budak dan tawananmu. Ini tidaklah kubantah. Kalau aku kau perintahkan mengarungi lautan pasir yang luas didalam keadaan gelap-gulita sekalipun, akan kujalankan. Bila aku diperintah untuk mengangkat batu besar yang seberat-beratnya, akan kuangkat juga. Tetapi akal dan fikiranku, keimanan dan kepercayaanku, bukan menjadi hak dan milikmu, bukan termasuk barang yang engkau beli dariku. Itu tidak akan dapat kau beli dan kuasai. Bahaya apakah terhadap dirimu, sekalipun aku beriman dengan imanku, aku berislam dengan Islamku? Biarkanlah aku beriman dan berislam, sebab hal itu tidak akan mengurangi akan kerja dan tugasku terhadap dirimu.

Dengan marah yang makin memuncak

bernyala-nyala, Umaiyah berkata dengan suara yang keras: "Dan hujung rambutmu yang paling atas sampai ke tapak kakimu yang paling bawah, adalah kepunyaanku, jasad dan tubuhmu, akal dan fikiranmu, darah dan dagingmu, itu semuanya kepunyaanku dan harus tunduk kepada apa yang kuingini. Kalau engkau. tidak segera kembali ke agamaku, sekarang juga engkau akan aku seksa sehebat-hebat dan sesakit-sakitnya!"

Sebagai seekor harimau akan menerkam mangsanya, Umaiyah melompat mencekik leher Bilal, kedua tangan dan kakinya lalu diikat erat-erat. Anak nakal kota Makkah lalu dipanggil, diperintahkan memperolok-olok dan melempari Bilal dengan batu. Umaiyah lalu meninggalkannya dalam keadaan yang demikian.

Siangnya, Umaiyah kembali menyeksanya lagi. Tampak ketetapan hati dan iman yang ada dalam dada Bilal, sekalipun sudah mengalami azab dan seksa yang terlalu kejam, sehingga seluruh tubuhnya bengkak dan luka-luka. Sungguh seksa yang bagaimana juga ngeri dan pedihnya terhadap seorang yang sudah demikian kukuh dan kuat iman dan keislamannya, tidak akan berpengaruh apa apa terhadap keimanan dan keislamannya itu. Allah yang selalu tampak oleh hati dan kalbu yang penuh iman itu, telah dapat menahan kepedihan seksa yang demikian ngerinya, seakan-akan tidak terasa samasekali.

Sungguh luarbiasa lazatnya Islam dan enaknya Islam, sehingga keenakan dan kelazatan itu dapat menahan segala cubaan walaupun bagaimana juga hebat dan dahsyatnya.

"Sekarang kamu boleh pilih, akan tetap diazab dan diseksa atau segera kembali menyembah Lata dan Uzza, meninggalkan agama Muhammad!" kata Umaiyah kepada Bilal.

Dengan pandangan mata yang bersinar tajam, menandakan kesediaannya untuk menerima seksaan yang bagaimana juga, walau sampai mati sekalipun, ia menentang mata Umaiyah dengan pandangan ejekannya, kata-kata Umaiyah itu dijawabnya: "Sekalipun anak panah beracun engkau tusukkan ke dadaku, pedang yang tajam engkau sembelihkan ke leherku, engkau tidak akan dapat menguasai dan memerintah akal dan fikiranku, tidak akan dapat mengubah iman dan Islamku yang sudah terpetri; kekuasaanmu yang bagaimana juga kuatnya, hanya akan mengenai badan dan tubuhku, pantang akan dapat mengubah ketetapan hati dan agamaku."

Dia terhenti sejurus berkata-kata. Kemudian dari mulutnya keluar beberapa patah kata-kata: "Ahad...! Ahad... !"* menegaskan, bahawa dia tetap dengan Tuhan yang Maha Esa, tidak akan menyembah Tuhan selain Yang Maha Esa itu.

Besoknya, matahari memancar dengan garangnya, sinarnya terpancar seperti panah-panah yang tajam, seakan-akan membakar padang pasir yang sudah kering dan terik panasnya. Umaiyah datang, lalu Bilal dibawa ke tengah-tengah padang pasir yang panas terik, dimana dia dibaringkan tanpa pakaian ditelentangkan, sedang batu besar dihimpitkan pula di atas dadanya.

Demikianlah seksa yang ditimpakan kepadanya di hari itu. Berbaring di atas pasir Gurun Sahara di bawah panas terik matahari di musim panas, dihimpit batu besar, sehingga tidak dapat bergerak sedikitpun untuk meringankan nasib penanggungannya. Sungguhpun begitu, seguris kecil sekalipun, iman dan Islamnya tidak hergoyang. Dan mulutnya tak pernah keluar keluhan dan jeritan, selain kata-kata: "Ahad, Ahad, Ahad. Dialah Tuhanku, Dialah yang aku

sembah, kepadaNya aku menghadap, ke arahNya aku menuju, kepadaNya aku bergantung dan azab yang begini tidak akan dapat mengubah tujuanku.

"Ahad, Ahad, Ahad, Dialah Allah Tuhanku, Maha Esa, kepadaNya aku berlindung din dalam menempuh sengsara seksa yang maha besar.

"Ahad, Ahad, Ahad, Dialah Tuhanku yang telah mengutus Muhammad menjadi utusanNya memberi petunjuk dan kepercayaan, aku senang menjadi salah seorang pengikutnya, pencintanya dan muridnya. Akan aku ikuti dia sekalipun bagaimana juga azab yang akan kutanggungkan."

Dari hari ke hari, semakin hebat juga azab seksa yang ditanggung oleh Bilal. Tetapi dia makin tebal imannya, sedang Umaiyah pun bertambah pula marah dan kejamnya.

Pada suatu hari, Abu Bakar lalu di tempat Bilal diseksa dan ia melihat seksaan itu; Umaiyah sendiri pun berdiri di hadapan Bilal yang sedang diseksanya dengan angkuh dan sombongnya, marah dan geram hatinya. Rasa hiba dan kasihan, memaksa Abu Bakar berkata kepada Umaiyah:

"Tidakkah engkau menaruh perasaan belas dan kasihan melihat budak itu terseksa begitu hebat, dengan seksaan yang tak tertanggungkan lagi? Tidakkah tergerak hatimu mendengar bunyi nafasnya yang demikian sesak dan darahnya yang mengalir itu? Kesalahan apakah gerangan yang telah dibuatnya, dosa apakah yang sudah dikerjakannya?"

Dengan sombong dan angkuhnya dia menjawab: "Ini budakku, punyaku dan milikku sendiri. Aku seksa kalau aku kehendaki, aku lepaskan kalau aku mahu. Adapun salah dan dosanya tidak perlu kau tanyakan. Kalau engkau belas dan kasihan, engkau boleh beli dia dan lalu engkau lepaskan sesukamu. Selama ini menjadi hak milikku, aku akan tetap menyeksa dia dengan seksaan yang lebih kejam, sebelum dia kembali menyembah Lata dan Uzza."

Kesempatan itu dipergunakan Abu Bakar sebaik-baiknya. Bilal dibelinya dan kepada Umaiyah dia berkata: "Mulai saat ini, engkau tidak berhak lagi atas dirinya. Aku merdeka untuk melepaskannya dari seksaan ini. Adapun engkau, ya Bilal, sekarang juga kumerdekakan. Aku berbuat ini semata-mata kerana Allah, Tuhan kita."

Terang perbezaan antara seorang manusia yang bernama Abu Bakar, dengan seorang manusia yang bernama Umaiyah. Perbezaan antara orang yang kafir dan orang yang Mumin. Yang pertama orang baik, sedangkan yang kedua orang jahat. Beginilah perbezaan antara keduanya di dunia, sedangkan di akhirat kelak, akan lebih jelas benar perbezaannya.

* Ertinya: Esa...! Esa...!

ISYRAK DAN MIKRAJ

Pada suatu malam, Nabi Muhammad s.a.w. bermalam di rumah Ummu Hani, iaitu anak perempuan dari bapa saudaranya, Abu Talib. Pagi-pagi benar, sebelum matahari terbit dan sehabis sembahyang, Nabi duduk bersama-sama dengan Ummu Hani bercakap-cakap: "Ya, Ummu Hani," demikianlah Nabi Muhammad memulai kata-katanya. " Malam tadi saya sembahyang bersamamu di sini, kemudian setelah itu saya diisyrakkan ke Baitui Maqdis dan sekarang saya sudah berada kembali di tempat ini bersamamu. Saya ingin menceritakan perjalanan saya ini kepada kaum kita sekarang juga, agar mereka mengetahui pula akan nikmat dan kudrat Allah Yang Maha Besar."

Ummu Hani adalah salah seorang yang telah beriman penuh, kuat Islamnya dan tidak ragu-ragu lagi tentang kebenaran apa saja yang dihuraikan Nabi Muhammad s.a.w. Tetapi dia tahu benar akan sifat dan tabi'at umumnya bangsa Quraisy. Sebab itu dia khuatir, kalau cerita luarbiasa ini akan menggoncangkan suasana bangsa Quraisy, mungkin menjadi alasan bagi mereka, untuk mendustakan dan tidak percaya kepada Nabi Muhammad; lalu dia berkata kepada Nabi: "Ku peringatkan kepadamu, ya anak pamanku, bahawa jika engkau ceritakan kejadian luarbiasa ini, bangsa Quraisy akan mengengkari kerasulan dan kebenaran engkau. Dari itu, ku minta agar kejadian ini janganlah diumumkan kepada mereka."

Tetapi Rasulullah berkewajipan menyampaikan apa saja yang terjadi berhubung dengan kerasulannya itu, tidak takut akan diejek atau diengkari orang. Nabi lalu menuju menemui orang banyak, sedang Ummu Hani makin bertambah besar juga kekhuatirannya. Ummu Hani mengutus anak perempuan yang menjadi budaknya sendiri, anak tempat dia menyimpan rahsia dan dipercayai sepenuh-penuhnya, Nab'ah namanya, untuk mengiringkan Rasulullah. Tidak lama kemudian Nab'ah kembali memberikan laporan kepada Ummu Hani dengan berkata: "Mula-mula Rasulullah pergi ke lapangan antara Kaabah dengan Telaga Zamzam dimana bertemu dengan Abu Jahal. Dengan berolok sebagaimana kebiasaannya setiapkali bertemu dengan Rasulullah, Abu Jahal berkata kepada Nabi:

"Ada pulakah khabar baru, ya Muhammad?"

Nabi menjawab: "Ya, ada, malam tadi saya diisyrakkan ke Baitul Maqdis."

"Wah, sekarang engkau telah berada di sini kembali?" sanggah Abu Jahal terhadap Nabi.

"Ya," jawab Rasulullah pula.

"Bolehkah khabar ini saya siarkan kepada semua orang Quraisy?" tanya Abu Jahal.

Jawab Nabi: "Boleh saja."

Dengan cepat sebagai kilat, Abu Jahal berseru-seru kepada bangsa Quraisy, agar berkumpul ke situ semuanya.

Mendengar cerita Nab'ah itu, Ummu Hani mempersilakan Nab'ah duduk, agar cerita itu lebih tenteram diceritakannya dan pula sangat menarik perhatiannya. Nab'ah lalu meneruskan laporannya.

"Dalam sebentar waktu saja saya lihat seluruh bangsa Quraisy, penduduk kota Makkah datang berkumpul ke tempat itu, bersama-sama Abu Jahal melingkari Nabi Muhammad s.a.w. Abu Jahal lalu mempersilakan Nabi menceritakan ceritanya. Nabi lalu berkata:

"Saya sudah diisyrakkan ke Baitul Maqdis, saya sudah dipertemukan dengan Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang silam, di antaranya Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa dan lain-lain, dan sudah bersembahyang dengan mereka bersama-sama."

Abu Jahal lalu berkata kepada Nabi dengan mengejek: "Cuba terangkan kepada kami bagaimana rupanya Nabi-nabi yang engkau jumpai itu?" Jawab Nabi: "Nabi Isa agak tinggi, tetapi tidak terlalu panjang, kulitnya kemerah-merahan danjanggutnya tebal. Nabi Musa gemuk dan hitam kulitnya, tampaknya sebagai orang yang gagah berani. Adapun Nabi Ibrahim, demi Allah, belum pernah saya jumpai seorang manusia seperti dia, tidak seorang pun di antaramu dapat menyamainya."

Orang banyak lalu menuntut kepada Nabi, supaya Nabi menunjukkan bukti-bukti yang nyata atas perjalanannya itu. Nabi lalu berkata: "Saya berjumpa dengan segerombolan unta kepunyaan si polan, di padang pasir yang begitu-begini (diterangkan Nabi sifat-sifat keadaan padang pasir itu), salah seekor unta terkejut lari tersesat, lalu saya tunjuki jalannya sedang saya ketika itu menghadap ke arah negeri Syam. Lalu saya datang pada sebuah bukit di sana (Dhajnan), bertemu pula saya dengan unta kepunyaan seseorang, saya dapati manusia yang berpergian dengan rombongan unta-unta itu, semuanya dalam keadaan tidur nyenyak. Salah seekor unta itu masih berumur dua tahun dan berwarna putih, didahului oleh unta jantan yang berwarna keabu-abuan yang membawa dua kendi besar, masing-masing kendi itu berwarna hitam dan berwarna campuran, antara hitam dan putih."

Mendengar itu, Ummu Hani lalu bertanya kepada Nab'ah:

"Bagaimana penerimaan bangsa Quraisy sesudah mendengar dan mengetahui bahwa tanda-tanda itu betul semuanya?"

"Saya lihat mereka heran tercengang-cengang, menggerak-gerikkan kepala, tetapi akhirnya mereka berteriak sekuat-kuat suara, mereka mengengkari kebenaran cerita Nabi Muhammad s.a.w. itu.

"Lalu saya lihat seorang yang bernama Mut'im bin Adi berdiri dan berkata kepada Nabi: "Kenapa hari ini engkau biasa saja, ya Muhammad, sedang engkau baru mengalami kejadian yang ajaib itu? Kami dengan mempergunakan unta yang secepat-cepatnya pergi ke Baitui Maqdis sebulan lamanya dan kembalinya sebulan pula lamanya, sedang engkau mengatakan hanya semalam saja. Demi Lata dan demi 'Uzza, saya tidak percaya akan kata-katamu, engkau orang yang pembohong."

Mendengar cerita Nab'ah yang terakhir itu, Ummu Hani menjadi sedih, mukanya suram sembab, airmata mengalir setitis demi setitis dari matanya membasahi pipinya.

Dalam pada itu Nab'ah meneruskan ceritanya: "Sehabis Mut'im itu, lalu tampil Abu Bakar berkata kepada Nabi: Saya percaya sepenuhnya atas apa yang engkau ceritakan itu, ya Muhammad. Sekalipun lebih jauh dari itu, saya percaya juga. Saya percaya semua kabar-kabar langit yang dibawa Muhammad itu, apakah saya tidak percaya akan kabar perjalanan yang begitu, perjalanan yang dikuasakan Allah Yang Maha Kuasa atas NabiNya? Tidak ada yang mustahil bagi Allah sekalipun menjalankan hambaNya dengan lebih jauh dan lebih cepat dari itu.

"Umumnya kaum Muslimin mengikut perkataan Abu Bakar, membenarkan

akan perjalanan Nabi, selain sebahagian kecil saja yang murtad, kembali mendustakan Nabi dan Agama Islam, iaitu terdiri dari orang-orang yang masuk Agama Islam kerana kebendaan, bukan kerana keinsafan dan kesedaran."

Mendengar itu Ummu Hani lalu berdiri girang dan berkata:

"Orang-orang yang mengaku Islam hanya dengan mulut itu, tidak dengan hati, memang lebih baik keluar dari barisan ummat Islam. Sebab perjuangan Islam bukan menjadi kuat dengan orang yang ragu-ragu dan muzabzabin, orang-orang yang lemah imannya, malah mereka akan melemahkan saja akan barisan ummat Islam yang sedikit, malah membahayakan. Maha Suci Allah yang telah menyisihkan orang-orang itu dari kita."

HIJRAH

Dua belas tahun sudah, sejak Nabi Muhammad diangkat menjadi Nabi dan Rasul. Dua belas tahun sudah beliau menyebarkan Ugama Islam ke tengah-tengah masyarakat Arab yang sedang gelap-gelita, penuh dengan kejahilan dan kejahatan, penuh dengan fanatik buta terhadap agama-agama sesatnya.

Ketika itu ummat Islam hanya sedikit sekali, masih puluhan saja, tetapi halangan dan ancaman sudah ribuan macam dan ragamnya. Semua itu dihadapi Nabi dan orang-orang Islam dengan tabah dan sabar, kerana yakin akan kebenarannya.
Dalam pada itu kota Makkah setiap musim haji (sekali setahun), didatangi manusia bangsa Arab dari dekat dan jauh, untuk menunaikan rukun ugama mereka masing-masing. Yang musyrik secara musyriknya, yang Yahudi secara Yahudinya dan lain-lain kepercayaan, menurut kepercayaannya pula. Kepada mereka itu, Nabi menceburkan diri menerangkan buah ajaran wahyu Ilahi yang diterimanya, dari musim ke musim, dengan tidak henti-hentinya.

Di segenap pelusuk daerah tanah Arab, perang-perang hebat dan rusuhan dahsyat saban hari terjadi. Perang antara suku bangsa dengan suku bangsa, antara kelompok dengan kelompok, bahkan antara ugama dengan ugama.

Yang paling hebat di antara perang-perang itu, ialah perang antara suku bangsa Aus dengan suku bangsa Khazraj yang menetap berdekatan di kota Madinah.

Kedua suku bangsa ini asalnya satu keturunan, kedua-duanya terdiri bangsa yang berugama Yahudi fanatik. Belum pernah kedua suku itu hidup damai dan tidak pernah salah satunya merasa kalah. Kedua suku itu termasyhur dikalangan bangsa Arab, orang-orang yang berani dan pandai berperang.

Beberapa orang di antara suku bangsa Arab yang terkemuka bahkan yang bertaraf pendita-pendita, sudah mulai merasa bosan dengan kekacauan dan perang yang terus-menerus itu. Mereka ingin damai dengan suku Khazraj. Untuk membuka pintu perdamaian ini, pergilah mereka dimusim haji ke Makkah, untuk pertolongan bangsa Quraisy mendamaikan antara mereka, kerana bangsa Quraisy itu masih termasuk suku warga mereka juga.

Di tengah-tengah manusia yang ramai ketika berada di Makkah, mereka mendengar akan Nabi Muhammad s.a.w. sedang mengajak manusia kepada damai. Nabi Muhammad mereka dekati, lalu bercakap-cakap dengan Nabi. Nabi lalu membaca beberapa ayat al-Quran buat mereka, serta menerangkan hakikat Ugama Islam dan diterangkan pula, bahawa ia adalah utusan Allah untuk membawa manusia kepada

menyembah Allah, menghilangkan kemusyrikan dan kekafiran.

Seorang dari mereka yang datang itu arnat tertarik kepada kata-kata Nabi dan ajarannya itu; orang ini Iyas bin Mu'az namanya. Dia menyarankan pendapatnya kepada kawan-kawannya dengan berkata: "Demi Allah, sungguh Muhammad itu adalah Rasul Allah yang sebenarnya, yang kita tunggu-tunggu selama ini."

Mendengar kata-kata ini, maka marahlah Abul Haizar, iaitu temannya sendiri dan lalu memukul muka Iyas. Nabi Muhammad diam saja, begitu juga Iyas sendiri.

Di musim itu juga, ada pula datang beberapa orang dari suku Khazraj ke Makkah. Nabi pun datang kepada mereka dan berkenalan. Setelah bercakap-cakap, Nabi lalu membacakan beberapa ayat al-Quran dan beberapa pokok Ugama Islam, mereka lalu sama beriman dengan Nabi dan berkata kepada kaumnya sendiri:

"Hai, kaumku! Ketahuilah, bahawa Muhammad itulah Nabi Allah yang telah lama kita tunggu-tunggu, sebagaimana tertulis dalam Taurat."

Kepada Nabi, mereka lalu berkata: "Kami beriman dengan engkau, ya Nabi Allah. Di belakang kami sekarang ini, kaum kami telah pecah-belah menjadi dua golongan, golongan Aus dan golongan Khazraj yang selalu bermusuh-musuhan dan berperang-perangan, bunuh-membunuh. Pelajaran yang kami dapat dari engkau ini akan kami siarkan kepada mereka, mudah-mudahan dapatlah menghilangkan permusuhan yang sudah berjalan lama itu."

Setelah menerima beberapa fatwa dari Nabi, mereka lalu kembali pulang ke Madinah, menyiarkan ayat-ayat Kitab Suci al-Quran ke tengah-tengah masyarakat Yahudi, iaitu kaum mereka itu sendiri. Pekerjaan mereka ini benar-benar mendapat sambutan yang baik sekali dari penduduk Madinah. Mereka masuk Ugama Islam dengan ikhlas, sehingga Ugama Islam tersiar di kota Madinah lebih luas kalau dibandingkan dengan kota Makkah sendiri. Hampir setiap rumah, sudah ada orang yang masuk Ugama Islam.

Khabar ini sampai ke telinga Nabi sendiri; beliau sangat riang dan gembira, kerana harapannya semakin ketara. Tetapi sayang, di Makkah yang terdiri dari bangsa Nabi sendiri, malah mendapat ancaman yang luar biasa, setiap orang yang masuk Ugama Islam diseksa oleh kaum Quraisy.

Tahun berikutnya, datang pula dua belas orang utusan yang terdiri dari suku bangsa Aus dan sepuluh orang dari suku Khazraj berjumpa Nabi. Masing-masing mereka mengumumkan akan keislaman mereka kepada Nabi dan mereka masing-masing bersumpah akan menjalankan syari'at Islam dengan patuh, tidak akan mensyirikkan Tuhan, tidak akan mengerjakan perzinaan dan akan menjauhkan diri dari segala kemungkaran.

Mereka kembali ke Madinah diikuti oleh seorang utusan Nabi yang bernama Mus'ab bin 'Umair, untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang Islam, mengajarkan al-Quran dan pokok-pokok Ugama Islam.

Ugama Islam makin tersiar di kota Madinah, dua suku bangsa yang selama ini sentiasa berperang dan bermusuhan, sekarang hidup damai dan bersatu, bersama-sama menjalankan dan menyiarkan Ugama Islam di sana.

Tahun berikutnya, datang pula bangsa Aus dan Khazraj lelaki perempuan yang berjumlah tujuh puluh dua orang. Mereka bertemu dengan Nabi pada

pertengahan hari Tasyriq di tempat yang bernama Aqabah, dekat kota Makkah. Nabi ditemani oleh Abbas bin Abdul Muttalib, iaitu bapa saudarannya sendiri yang ketika itu masih belum masuk Islam.

Dalam pertemuan itu, dibuatlah satu perjanjian antara mereka yang datang itu dengan Nabi. Dalam perjanjian mana, suku Aus dan Khazraj berjanji akan melindungi bangsa Quraisy yang beragama Islam yang datang ke Madinah, kerana tidak tahan menderita seksaan bangsa Quraisy di kota Makkah.

Dengan tegas al-Barra' bin Ma'rur, sebagai kepala mereka, berkata kepada Nabi: "Kami bersumpah kepada Allah yang telah mengutus engkau, ya Rasulullah, akan melindungi setiap ummat Islam yang hijrah ke Madinah. Kami ini adalah bangsa yang berani dan sanggup berperang."

Tersiarlah Ugama Islam di Madinah dan isi perjanjian ini akhirnya diketahui oleh bangsa Quraisy yang memusuhi Nabi. Mereka menjadi marah dan makin memlipat-gandakan ancaman dan siksaan mereka terhadap siapa saja yang beragama Islam. Di mana bertemu orang Islam, mereka pukul, mereka lempar dan kalau dapat mereka bunuh. Keadaan menjadi genting begitu rupa, sehingga kota Makkah merupakan neraka bagi ummat Islam.

Nabi lalu menganjurkan kepada tiap-tiap orang Islam yang tidak dapat mempertahankan diri, untuk pindah ke Madinah. Mereka ini pun pindahlah, meninggalkan kampung halaman dan harta-bendanya, malah meninggalkan anak dan isteri mereka, untuk mempertahankan ugama dan keimanan yang telah berurat dalam batin mereka.

Ancaman dan penganiayaan semakin menghebat juga, sehingga ummat Islam bukan saja terancam jiwanya, tetapi juga sudah susah sekali menjalankan ibadat ugama mereka sendiri. Mereka diizinkan oleh Nabi berhijrah ke Habasyah.

Ke mana saja ummat Islam itu pindah, baik ke Habasyah, lebih-lebih lagi yang ke Madinah mendapat sambutan yang baik sekali. Di Madinah mereka mendapat sambutan yang baik sekali, mendapat tempat bahkan dipandang keluarga sendiri oleh setiap ummat Islam di kota Madinah.

Keadaan itu diketahui oleh bangsa Quraisy seluruhnya. Mereka berkumpul untuk mengambil putusan dan tindakan selanjutnya akan perkembangan Ugama Islam yang demikian rupa.

Salah seorang di antara mereka mulai membentangkan buah fikirannya: "Kita berkumpul di sini agar masing-masing dapat membentangkan fikiran tentang keadaan diri Muhammad. Masalahnya telah terang, bahawa pengaruh Muhammad sudah melebar di sekitar Makkah.

"Malah sudah sampai ke Madinah. Mungkin akan bertebaran ke segenap pelosok dan negeri lain. Segala ancaman dan seksaan yang telah kita lakukan terhadap pengikut-pengikutnya tidak berbekas sedikit juga terhadap mereka, malah diterimanya dengan tabah dan sabar. Mulanya dengan kematian bapa saudaranya, Abu Talib, kita harapkan bahawa Muhammad akan kehilangan pengaruh. Sekarang timbul bangsa Aus dan Khazraj tulang belakang yang kuat. Mereka meninggalkan anak-isteri mereka, asal tetap memegang ugama mereka. Mereka rupanya rela meninggalkan kampung halamannya pindah ke sana bersama mereka, kemudian akan kembali ke mari mengalahkan kita. Maka sebelum itu terjadi, kita harus dapat mengenyahkan Muhammad, agar pengaruhnya hilang dan daerah ini tetap dapat kita kuasai."

Berkata Abul Bakhtary bin Hisyam: "Tangkap saja Muhammad, ikat dengan rantai besi dan penjarakan rapat-rapat, biar sampai mati kelaparan!"

Fikiran ini dibantah orang banyak dengan berkata: "Fikiran itu tidak baik, tentu sahabat-sahabatnya yang makin banyak itu akan dapat melepaskannya pula."

Berkata pula Abul Aswad Rabi'ah bin 'Amru: "Kita usir saja dari sini, biar dia pergi ke mana saja yang dia sukai."

Pendapat ini pun dibantah orang banyak dengan berkata:

"Pendapat itupun tak ada faedahnya. Kepandaian Muhammad berkata-kata, manis kalimat dan tindakannya, akan dapat menarik orang ramai sehingga dia akan semakin kuat, sehingga lebih berbahaya terhadap kedudukan kita. Cuba cari pendapat lain!"

Abu Jahal bin Hisyam lalu tampil ke muka dan berkata:

"Kita pilih dari masing-masing kabilah, seorang pemuda yang gagah berani, masing-masing kita beri pedang yang tajam. Mereka masing-masing diwajibkan membunuh Muhammad dimana saja mereka berjumpa dengan dia."

Pendapat ini diterima dengan suara bulat oleh hadirin.

Dalam pada itu Rasulullah telah memberi izin kepada semua orang Islam meninggalkan kota Makkah. Hanya Abu Bakar saja yang tidak dibolehkannya, dengan harapan akan menemaninya nanti bila Allah telah memberi izin kepada Nabi untuk berhijrah pula. Selama perintah berhijrah belum diberikan Tuhan kepada Nabi, beliau tetap akan tinggal di kota Makkah.

Tiba-tiba Allah mewahyukan kepada Nabi Muhammad akan keputusan mesyuarat bangsa Quraisy yang telah memutuskan akan membunuhnya. Nabi diperintahkan Tuhan dalam wahyuNya itu, untuk hijrah ke Madinah. Wahyu ini lalu diberitahukan Nabi kepada Abu Bakar. Abu Bakar dan Nabi berjanji akan bersama-sama. Ditetapkan akan meninggalkan kota Makkah pada sepertiga malam itu juga (kira-kira jam sepuluh malam). Abu bakar ditugaskan menyedia dua orang untuk petunjuk jalan.

Kemudian Rasulullah kembali pulang ke rumahnya sendiri dengan diam-diam, sebab masing-masing pemuda sudah bersiap dengan pedangnya, untuk membunuh Nabi di mana perlu.

Baru saja Nabi sampai ke dalam rumahnya sendiri, rumah itu segera dikepung oleh pemuda-pemuda gagah perkasa yang sudah bersiap sedia itu, mereka menunggu Nabi keluar rumah untuk dibunuh, Allah menjanjikan kepada Nabi akan terlindung dari segala petaka. Dengan tenang Nabi menidurkan Ali bin Abu Talib di tempat pembaringannya lalu Nabi keluar.

Tepat di kala Nabi keluar itu, Allah mentakdirkan yang mereka itu semua tertidur di tempatnya masing-masing, sehingga tidak mengetahui bahawa Nabi sudah keluar dan meninggalkan rumahnya. Mereka tertipu, tetapi Allah lebih pandai. Rasulullah terus menuju ke rumah Abu Bakar. Kedua-duanya lalu keluar bersama hingga sampai ke Gua Tsur dipuncak sebuah bukit dekat Kota Makkah, disanalah mereka bersembunyi.

Setelah mereka yang ingin membunuh Nabi mengetahui bahawa Nabi sudah tiada lagi didalam rumahnya, mereka hairan, geram dan marah; lalu beredar mencari Nabi jalan di padang pasir.

Mereka pun sampai juga ke puncak bukit mendekati gua tempat persembunyian Nabi dan Abu Bakar itu. Sebahagian mereka dengan geramnya menuju ke rumah Abu Bakar, didapatinya hanya anak Abu Bakar yang masih kecil bernama Sid Asma'. Kepada Asma' mereka berkata: "Ke mana bapakmu pergi?"

Siti Asma' menjawab: "Tidak tahu."

Muka Asma' mereka tampar sekuat-kuatnya.

Apabila mereka sampai ke dekat gua itu, Abu Bakar tampak benar kesedihan hatinya. Bukan takut dirinya akan terbunuh, tetapi cemas kalau Nabi mereka bunuh. Melihat kesedihan had Abu Bakar, Nabi berkata: "Janganlah sedih, Allah beserta kita."

Dengan dua patah kata dari Nabi itu, tenanglah Abu Bakar. Tiga hari tiga malam lamanya keduanya bersembunyi di gua itu. Untung kedua penunjuk jalan yang sudah disediakan itu telah dapat membawa makanan dan minuman penghilang lapar.

Dengan meneliti ke kiri dan ke kanan, Nabi dan Abu Bakar dengan dipelopori oleh kedua orang penunjuk jalan, lalu keluar di malam hari dari gua itu menuju ke Madinah, tempat yang telah diperintahkan dan ditentukan oleh Allah untuk tempat hijrah.

Tiba-tiba datang mendekati Nabi dan Abu Bakar seorang perisik bangsa Quraisy dengan mengenderai seekor kuda.

Sebelum perisik itu dapat melihat Nabi, kudanya sudah terjatuh kerana kedua kakinya bersilang, sehingga jatuh tunggang-langgang dan patah semua kakinya. Lalu terbentang awan dan debu sehingga membatas pemandangan dari Nabi dan Abu Bakar. Perisik itu insaf, bahawa dia tidak dibolehkan Tuhan membunuh Nabi. Nabi lalu datang kepadanya. Dia duduk bersimpuh minta ampun dan minta dilindungi oleh Nabi. Nabi memberi maaf kepadanya. Dia dibenarkan kembali ke rumahnya dan tidaklah hal ini diceritakan kepada kaumnya yang sedang mencari Nabi Muhammad s.a.w.

Kaum Muslimin di kota Madinah telah lama menunggu kedatangan Nabi, sebab di antara semua orang Islam lelaki hanya Nabi dan Abu Bakar saja lagi yang tertinggal dalam kota Makkah yang kacau itu. Mereka khuatir akan nasib Nabi dan Abu Bakar, tetapi mereka yakin akan bantuan dan perlindungan Allah terhadap Nabi yang mulia itu. Mereka mendengar setiap hari, bahawa kekejaman sudah lebih berlipat-ganda. Mereka menghantar orang untuk menyongsong kedatangan Nabi tetapi hampa.

Kemudian mereka mendengar bahawa Nabi dengan diiringi oleh Abu Bakar telah meninggalkan Kota Makkah, lalu mereka bersiap untuk menyambutnya. Tiba-tiba terdengar salah seorang berteriak bahawa Nabi sudah tiba. Seluruh ummat Islam Madinah laki-laki perempuan, tua-muda keluar untuk menyambut kedatangan Nabi yang mulia itu.

Dari jauh mereka lihat Nabi bersama Abu Bakar dicelah-celah batang khurma. Mereka datang berkerumun rnenghibur Nabi dan Abu Bakar yang sudah keletihan itu. Nabi tidak terus ke kota Madinah, tetapi berhenti beberapa hari dirumah keluarga 'Amru bin Auf di desa Quba', dimana Nabi bersama ummat Islam dapat mendirikan masjid, iitu masjid Quba' sekarang ini yang dinamakan dalam wahyu Allah dalam ayat suci al-Quran: "Masjid yang didirikan atas dasar taqwa."

Lalu Nabi meninggalkan tempat itu

dengan menaiki unta. Setiap rumah dilalui dan rombongan ummat Islam yang menunggu kedatangan beliau, mereka berseru-seru untuk mempersilakan Nabi dan Abu Bakar tinggal dirumah mereka masing-masing. Tetapi Nabi berkata: "Biarlah kami terus saja menurut apa yang telah diperintahkan Tuhan."

Dalam perjalanan itu Nabi singgah dan memberi berkat dirumah Malik bin Nayar, dimana didirikan pula sebuah masjid, kemudian singgah pula dirumah Sahal dan Suhail bin Rafi' bin 'Amru, iaitu dua orang anak yatim yang dipelihara oleh As'ad bin Zurarah. Perjalanan diteruskan dan singgah pula dirumah Abu Ayub al-Ansary. Di situ berkatalah Nabi: "Disini sajalah saya menetap insya Allah: Ya, Allah! Tempatkan saya ditempat yang memberi berkat, Engkaulah Tuhan yang paling baik menentukan tempat."

Abu Ayub lalu menyerahkan rumahnya itu kepada Nabi. Kemudian Nabi memanggil semua ummat Islam yang berasal dari Makkah. Mereka diberi nama oleh Nabi kaum Muhajirin. Setiap orang Islam yang tinggal di Madinah dan sekitarnya diberi nama oleh Nabi Kaum Ansar. Lalu Nabi mempersaudarakan antara kedua kaum ini.

Mulailah Nabi dan segenap ummat Islam memperluaskan syiar Islam, mengatur segala rancangan dengan semangat baru!

PERANG BADAR

Persaudaraan orang-orang Islam yang datang dari Makkah dengan orang-orang Islam kota Madinah, iaitu kaum Muhajirin dan kaum Ansar, begitu baik dan kuat, seakan-akan mereka semua bersaudara kandung, tolong-menolong dengan serapat-rapatnya.

Kota Madinah yang boleh dikatakan kota Yahudi itu, mengalami perubahan besar, dengan banyaknya orang-orang Yahudi yang masuk Ugama Islam. Hal ini menimbulkan gerakan anti Islam dikalangan orang-orang Yahudi yang masih fanatik. Dalam pada itu kaum musyrik Makkah semakin cemas hatinya melihat kemajuan Ugama Islam di Madinah itu.

Kemarahan bangsa Yahudi makin bertambah, setelah Allah memerintahkan berkiblat dari Baitui Maqdis ke Kaabah di Makkah, sekalipun Kaabah sendiri dikala itu masih penuh dengan berhala. Nabi melayani setiap orang Yahudi dengan baik dan lemah-lembut. Dengan mereka dibuat perjanjian, dimana ditetapkan:

1. Orang Yahudi dan Orang Islam hendaklah hidup sebagai satu bangsa.

2. Masing-masing merdeka menjalankan upacara keagamaan masing-masing dan tidak boleh ganggu-mengganggu.

3. Jika salah satu diserang musuh, yang lain akan memberikan bantuannya.

4. Bila kota Madinah mendapat serangan, orang-orang Islam dan orang-orang Yahudi harus bersama-sama mempertahankannya.

5. Jika antara kedua pihak timbul perselisihan, maka Nabi sendiri yang akan mengadilinya.

Tetapi tak lama sesudah perjanjian itu ditandatangani, orang-orang Yahudi mulai melanggarnya dengan mengadakan hasutan untuk mengenyahkan orang-orang Islam dari Madinah. Gerakan ini bukan gerakan yang boleh dianggap mudah, tetapi gerakan besar, yang berbahaya sekali terhadap jiwa ummat Islam, kerana gerakan ini dipimpin oleh seorang Yahudi yang besar pengaruhnya iaitu Abdullah

bin Ubay, yang hampir saja diangkat bangsa Yahudi menjadi Raja Madinah. Abdullah bin Ubay ini sangat anti terhadap Islam, kerana dengan tersiarnya Ugama Islam itu, pengaruhnya semakin berkurangan.

Dalam pada itu, penduduk Makkah sudah bersiap sedia pula untuk menyerang orang Islam dengan kekuatan yang besar. Kedudukan orang Islam mulai sulit dan berbahaya sekali.

KEIZINAN UNTUK BERPERANG

Dalam keadaan yang meruncing itu, turun wahyu Allah kepada Nabi yang berbunyi: "Berperanglah dalam jalan Allah melawan orang-orang yang memerangi kamu, tetapi jangan melanggar batas, kerana Allah tidak suka kepada orang yang melanggar batas. Bunuhlah mereka itu dimana saja kamu jumpai dan usirlah mereka itu sebagaimana mereka telah mengusir kamu. Tetapi ingat pula, bahawa fitnah adalah lebih berbahaya dari pembunuhan. Tetapi janganlah kamu berperang didalam Masjidil Haram (Kaabah), kecuali kalau diperanginya kamu disana."

Selama ini Nabi dan orang-orang Islam hanya disuruh mundur dan hijrah. Sekarang diperintahkan Allah untuk berperang, kerana kini mereka sudah cukup menerima penganiayaan.

Jelas perintah itu, iaitu perang bukan untuk memaksa orang masuk Ugama Islam, tetapi adalah semata-mata mempertahankan diri kalau diserang. Kerana Ugama Islam tidak boleh dipaksakan kepada siapa jua, walaupun kepada keluarga dan famili Nabi sendiri.

Kerana perintah itu, maka Nabi mulai menyusun tentera mengatur pertahanan dan perlengkapan. Mula-mula ke dalam kota Makkah diutus Nabi beberapa orang perisik, untuk mengetahui rencana dan kekuatan musuh, serta untuk menarik kepala-kepala bangsa Badwi ke pihak Islam.

Pada bulan Rejab tahun kedua hijrah, Nabi mengutus dua belas orang Muhajirin, dikepalai Abdullah bin Jahasy keluar kota Madinah; suasana di kala itu sudah runcing sekali. Kepadanya diberikan sepucuk surat bersampul, Nabi mengizinkan membuka surat tersebut setelah dua hari dalam perjalanan. Setelah dua hari dalam perjalanan, lalu surat itu dibuka. Ternyata dalamnya satu perintah dari Nabi agar mereka menuju ke Nakhlah, satu tempat di antara Makkah dan Taif, guna mencari keterangan sebaik-baiknya tentang gerak-geri orang Makkah (musuh). Hal ini dilakukan bukan untuk menyerang Makkah, tetapi untuk berjaga-jaga semata-mata.

Disana, Abdullah bertemu dengan kafilah kecil orang Makkah yang dalam perjalanan pulang dari Taif. Orang-orang ini diserangnya, seorang mati iaitu 'Amru bin Hadhramy dan dua orang lainnya ditawan, yaitu Usman bin Abdullah dan Hakam bin Kaisan, sedang harta bendanya dirampas. Dalam hal itu Abdullah telah melanggar perintah Nabi, kerana disaat itu dalam Bulan Muharam, dimana dilarang menumpahkan darah. Nabi sangat marah kepadanya.

Hal ini membangkitkan semangat bangsa Quraisy (Makkah), untuk menyerang kaum Muslimin.

Nabi mendapat lapuran, bahawa kafilah bangsa Quraisy yang amat besar terdiri dari seribu ekor unta dengan segala muatannya, sedang dalam perjalanan dari Syria menuju Makkah. Untuk mengurangi kekuatan musuh yang telah siap untuk menyerang itu, Nabi memerintahkan untuk menahan kafilah itu dan merampas harta dan barang dagangan untuk dijadikan kekuatan

perang. Maksud Nabi ini diketahui oleh Abu Sufyan yang mengepalai kafilah itu. Abu Sufyan segera mengirim utusan ke Makkah minta bantuan tentera sebanyak mungkin, sedang perjalanan kafilahnya dibelokkan melalui satu tempat yang bernama Badar, menyusur pantai Lautan Merah. Makkah segera mengirimkan bantuan yang terdiri dari seribu orang tentera, seratus orang diantaranya pasukan berkuda dan tujuh ratus orang lainnya pasukan unta, yang kesemuanya dikepalai oleh Abu Jahal sendiri. Ketika pasukan bantuan ini bertemu dijalan dengan Abu Sufyan, Abu Sufyan menyuruh pasukan ini kembali saja ke Makkah. Tetapi Abu Jahal ingin memperlihatkan kekuatan tenteranya kepada orang Madinah itu.

Pasukan Rasulullah s.a.w. hanya terdiri dari tiga ratus tiga belas orang saja. Diantaranya hanya dua orang berkenderaan kuda. Tentera yang kecil ini berangkatlah bersama Rasulullah menuju satu tempat yang dinamai Badar.

Setelah Rasulullah mengetahui akan kedatangan bantuan Quraisy yang amat besar jumlahnya itu, Rasulullah bermesyuarat dengan para sahabat beliau. Abu Bakar dan Umar menasihatkan agar pertempuran diteruskan. Begitu juga Miqdad bin 'Amru dari Muhajirin. la berkata kepada Rasulullah: "Teruskanlah apa yang diperintahkan Allah kepada engkau. Kami tidak akan berkata seperti apa yang dikatakan Bani Israil dahulu kepada Nabi mereka Musa a.s. Mereka berkata kepada Musa: Pergilah engkau beserta Tuhan engkau berperang, sedang kami biarlah duduk saja di sini (menonton). Sebaliknya kami, kata Miqdad seterusnya akan berkata kepada engkau: Pergilah engkau beserta Tuhan engkau berperang, dan kami akan bersama engkau bertempur. Demi Allah yang telah mengutus engkau membawa kebenaran, jika sekiranya engkau memerintahkan kami berangkat ke Birkil Ghamad (nama suatu tempat yang amat jauh di Yaman), kami akan memaksa diri kami agar kami sampai ke sana."

Berkata pula Sa'ad bin Mu'az dari golongan Ansar: "Kami sudah beriman kepada engkau, kami sudah membenarkan akan engkau dan mengakui bahawa apa yang engkau bawa kepada kami adalah hak, kami sudah berjanji akan tunduk dan taat. Maka teruskanlah, ya Rasulullah, dengan apa yang engkau kehendaki, kami akan selalu bersama engkau. Demi Tuhan yang telah mengutus engkau dengan hak, sekiranya engkau harus menyelam lautan itu, kami akan menyelaminya bersama engkau. Tak seorang pun diantara kami yang akan mundur. Kami tidak takut apa pun yang akan dilakukan musuh terhadap diri kami, kami adalah orang-orang yang tabah dalam perang. Mudah-mudahan Allah memperlihatkan kepada engkau apa-apa yang menyenangkan hati engkau, sehingga kami akan senang pula dengan berkat dari Allah."

Rasulullah sangat gembira mendengar ucapan-ucapan yang diucapkan para sahabat itu. Rasulullah lalu berkata memberikan perintah kepada mereka: "Berangkatlah dan bergembiralah, Allah sudah menjanjikan kepadaku akan pertolonganNya, seolah-olah aku melihat tempat-tempat yang menjadi sumber minum mereka."

Kaum Quraisy dan bala bantuannya yang banyak itu dikerah oleh Abu Sufyan, mengambil kedudukan dilereng jauh ditempat rendah. Sedang Rasulullah memerintahkan pasukan beliau mengambil tempat dilereng yang dekat ditempat tinggi dari Wadi Badar.

Seorang sahabat bernama Habbab bin Munzir mendatangi Rasulullah dan berkata: "Apakah kedudukan yang engkau pilih ini menurut perintah

(wahyu) dari Allah? Kalau memang begitu, kita tidak akan beranjak dari kedudukan ini. Tetapi kalau hanya pendapat Rasulullah sendiri berdasarkan siasat atau strateji semata, maka saya berpendapat lain. Lebih baik kita mengambil kedudukan ditempat yang lebih rendah, dekat sumber air yang akan diperguna-kan oleh musuh-musuh itu. Kita buat tangki-tangki dan kita gali perigi, lalu kita penuhi dengan air dari sumber itu, kemudian sumber itu kita timbun dengan tanah. Biar musuh tidak dapat air minuman, agar mereka menderita dahaga, sedang kita terus bertempur dengan persediaan air yang banyak itu."

Pendapat Habbab ini dibenarkan oleh Rasulullah, kerana Rasulullah mengambil tempat kedudukan yang pertama tadi itu tidak berdasarkan perintah dari Allah, semata-mata pendapat peribadi beliau sendiri.

Seluruh pasukan dikerahkan untuk membuat tangki-tangki dan menggali perigi, mengisinya dengan air sebanyak mungkin, lalu menutup sumber air yang akan dipergunakan oleh musuh itu. Para sahabat pun membuat sebuah gubuk untuk Rasulullah, tempat beliau memberikan arahannya. Berkata Sa'ad al-Anbany: "Ya Rasulullah, bila Allah memenangkan kita, engkau tetap sajalah digubuk itu, tetapi bila kami tewas seluruhnya, engkau hendaklah segera meninggalkan gubuk itu bergabung dengan sahabat-sahabat kita yang masih hidup, yang kecintaan mereka terhadap engkau tidaklah kurang dari kecintaan kami." Rasulullah amat terharu mendengar ucapan yang demikian itu. Keesokan harinya musuh yang terdiri lebih dari seribu orang itu mulai menyerang. Melihat kedatangan musuh yang dengan amat tiba-tiba itu, Rasulullah berdoa: "Allahumma, ya Allah, kaum Quraisy sudah menyerang dengan sombong dan membanggakan kekuatan mereka, mereka menentang Engkau dan mendustakan akan Rasul Engkau. Ya Allah, hanya pertolongan yang pernah Engkau janjikan kepadaku yang akan dapat mengalahkan dan menghancurkan mereka. Ya Allah, hancurkanlah mereka."

Tentera Makkah bukan main marahnya. Dengan segera mereka menyerang dengan pasukan berkuda terhadap tentera Islam. Dua orang pasukan berkuda musuh (Quraisy) gugur ke tanah dipanah tentera Islam. Dari tentera musuh maju ke depan tiga orang pahlawan, iaitu 'Utbah dan Syaibah (bersaudara) dengan anak 'Utbah yang bernama al-Walid. Untuk menghadapi ini, Nabi memerintahkan tiga orang pahlawan Islam pula, iaitu Ali, Hamzah dan Ubaidah. Ali dan Hamzah dapat menewaskan musuh sedangkan Ubaidah dan lawannya masing-masing mendapat luka yang parah dan kerana luka-luka ini Ubaidah meninggal dunia di atas pangkuan Nabi sendiri.

Kaum Muslimin yang sedikit itu menghadapi lawan yang lebih dari tiga kali ganda banyaknya. Nabi mendoa kepada Tuhan: "Oh, Tuhan! Penuhilah janjiMu untuk memberi kemenangan. Kalau ummat yang kecil ini binasa (kalah), maka akan menanglah agama berhala dan tidak akan ada lagi orang yang menyembahMu di muka bumi."

Abu Bakarlah ketika itu orang yang paling sedih dan khuatir melihat ramai dan kuatnya musuh yang sedang dihadapi oleh tentera Islam. Dengan memegang kain tutup kepala Nabi, Abu Bakar berkata kepada Nabi: "Ya Nabi Allah, Tuhan tentu akan mengabulkan doamu dan Tuhan tentu menolong kita menghadapi musuh yang ramai ini."

Tiba-tiba Nabi seakan-akan tertegun dalam mendoa. Di kala itu turunlah wahyu Allah yang berbunyi: "Hai, Nabi! Kerahkanlah orang-orang Mu'min itu bertempur! Dua puluh orang Mu'min

yang sabar, akan dapat mengalahkan dua ratus orang musuh dan seratus orang (Mu'min yang sabar) akan dapat mengalahkan seribu orang-orang kafir, kerana orang-orang kafir itu tidak mempunyai dasar yang teguh." Dengan segera Nabi menghadapkan mukanya kepada tentera Islam yang sudah siap sedia, lalu berkata: "Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad, orang-orang yang berperang dengan sabar dan penuh harapan ganjaran Allah, terus maju dan takkan mundur setapak, bila dia terbunuh, terus masuk ke dalam Syurga Allah."

Kemudian diambil Nabi segenggam pasir, lalu dilemparkannya ke arah musuh. Arahan dan perintah menyerbu sudah diberikan. Kaum Muslimin maju bertempur dengan keimanan dan keyakinan yang penuh dan kuat, dengan serentak berteriak: Ahad, Ahad, Ahad.

Dikala itu angin berhembus dengan kencangnya ke arah tempat musuh. Pasir padang pasir berterbangan sebagai asap tabir yang amat tebal. Mata pedang mulai bergerincingan berbunyi ditengah-tengah suara takbir dan derunya angin ribut.

Kerana angin berhembus ke arah tentera musuh, maka hal itu sangatlah menguntungkan pihak ummat Islam yang dipimpin Nabi. Bukan hanya perajurit, tetapi banyak panglima-panglima tentera musuh, seorang demi seorang tewas di hujung mata pedang; diantaranya 'Utbah, Syaibah, al-Walid, Umaiyah bin Khalaf, Abul Bukhtary, Hamzah anak Abu Sufyan.

Dalam pertempuran itu pula, Mu'az bin 'Amru dari golongan ummat Islam telah dapat melukai Abu Jahal, tetapi anak Abu Jahal segera datang membantu ayahnya, sehingga tangan Mu'az kena mata pedang hampir putus, tergantung di bahunya. Dengan segera Mu'az memutuskan tangannya yang tergantung-gantung itu, lalu tampil menyerang Abu Jahal. Abu Jahal terbanting jatuh, segera ditikam oleh seorang pemuda Ansar, iaitu Bin Affa sehingga Abu Jahal tewas seketika itu juga berlumuran darah bersama kudanya. Kepala Abu Jahal yang telah bercerai dengan badannya, dibawa Ibnu Mas'ud ke hadapan Nabi.

Melihat panglima tertingginya sudah tewas, maka barisan musuh mulai kucar kacir, lari tunggang-langgang dikejar orang Islam dari belakang. Mereka meninggalkan tujuh puluh mayat dimedan perang, yang umumnya terdiri dari pemuka-pemuka mereka dan tujuh puluh orang lagi menjadi tawanan perang. Sedang dipihak ummat Islam hanya empat belas orang yang mati syahid dan tidak seorang juga yang menyerah kepada musuh.

Di antara tokoh-tokoh yang berkaliber besar dari kaum Musyrikin Quraisy yang tewas itu antara lain Abu Jahal bin Hisyam (panglimanya), 'Utbah bin Rabi'ah, Syaibah bin Rabi'ah, Umaiyah bin Salt. Semua mayat musuh itu dimasukkan ke dalam sebuah lubang, lalu ditimbuni dengan tanah. Rasulullah lalu berdiri di tempat itu dan berkata: "Hai Ahli Lubang, hai Abu Jahal bin Hisyam, hai 'Utbah bin Rabi'ah, hai Syaibah bin Rabi'ah, hai Umaiyah bin Salt, apakah kamu sudah memperoleh apa-apa yang dijanjikan Tuhan kamu kepada kamu sekalian? Kami sudah memperolehi apa yang pernah dijanjikan Allah kepada kami."

Mendengar itu para sahabat bertanya kepada Rasulullah:

"Ya Rasulu'llah, apakah engkau menyeru orang-orang yang sudah menjadi bangkai?" Rasulullah menjawab: "Mereka lebih mendengar daripada kamu akan apa-apa yang saya ucapkan itu,

hanya mereka tidak dapat menjawabnya."

Perang inilah yang dinamai perang Badar Kubra, terjadi pada tujuh belas Ramadhan tahun kedua Hijrah. Kemudian ternyata, bahawa Allah telah mengirimkan pertolonganNya kepada ummat Islam dalam perang itu. Bukan saja pertolongan yang berupakan angin dan debu, tetapi pula beberapa Malaikat, sebagai ternyata dalam wahyu Allah yang datang kemudian.

Terhadap para tawanan itu berbagai-bagai usul yang masuk. Umar Ibnul-Khattab mengusulkan agar mereka dibunuh semuanya, seimbang dengan kekejaman mereka terhadap orang-orang Islam. Tetapi Abu Bakar mengusulkan agar tawanan-tawanan yang kaya, diwajibkan menebus dirinya masing-masing dengan wang yang banyak, lalu dilepaskan dan yang miskin dan tak berbahaya, dilepaskan saja tanpa tebusan. Dengan wahyu Allah, Nabi menjalankan usul Abu Bakar, menolak usul Umar. Para tawanan yang mempunyai kepandaian menulis, dapat menebus dirinya dengan kepandaiannya itu.

Dengan jalan begitu, perlakuan terhadap tawanan memang diatur Nabi sebaik mungkin. Hal inilah yang menyebabkan kemenangan yang berterusan untuk kaum Muslimin disamping dengan pertolongan dari Allah. Salah seorang yang membayar tebusan yang agak besar sekali ialah Abbas iaitu bapa saudara Nabi sendiri.

Dimakkah kaum Quraisy menunggu perkhabaran tetapi setelah tiba ternyata kekalahan dipihak mereka dimana banyak yang mati dan tertawan. Dari tentera yang pulang itu mereka ketahui jalan peperangan, budak suruhan Abbas yang bernama Abu Rafi dengan keras berkata: Demi Allah. Tentu saja Malaikatlah yang menolong tentera Islam!

Mendengar perkataan itu bukan main marah lagi Abu Lahab, walaupun masih lagi dalam kesakitan dipukulnya Abu Rafi setengah mati. Kejadian itu dilihat oleh isteri Abbas, dia amat marah diambilnya lembing lalu ditikamnya Abu Lahab, parah dibuatnya. Dengan keaadan yang luka parah dan malu Abu Lahab pulang kerumah, sakitnya semakin tenat setelah tujuh hari dia pun mati. Makkah berada dalam kesedihan atas kekalahan yang dialami tentera mereka.

SATU SUDUT LAGI MENGENAI PERANG BADAR

Badar ialah peperangan pertama yang dihadapi oleh Nabi Muhammad dalam mengembangkan dakwah Islamiah. Sejarah perkembangan Islam tidak dapat dipisahkan daripada beberapa peperangan yang pernah dialaminya. Namun, umat Islam wajar berhati-hati ketika membicarakan sejarah peperangan itu.

Pernah wujud usaha propaganda Barat yang cuba mengaitkan Islam dengan keganasan. Oleh itu, penceritaan sejarah peperangan yang dihadapi oleh umat Islam mestilah dimulakan dengan sebab dan tujuan peperangan.

Pengkisahan sejarah peperangan umat Islam terdahulu menentang serangan kufur boleh membina jati diri umat Islam mutakhir. Namun ia tidak wajar sekadar membina semangat melulu tanpa memahami kisah yang tersirat sebelum dan selepas sesuatu peperangan.

DAKWAH ISLAMIAH SEBELUM DAN SELEPAS HIJRAH

Era dekad pertama dakwah Islamiah di Makkah menyaksikan dakwah dijalankan secara rahsia dan pertemuan umat Islam untuk mendengar ajaran Rasulullah dilakukan dari rumah ke rumah. Sejarah meriwayatkan rumah Arqam bin Abi Arqam sebagai tempat paling kerap pertemuan dilakukan.

Kaum musyrikin Makkah tidak dpat menghidu aktiviti umat Islam di rumah ini. Sedangkan dalam waktu itu, sesiapa yang dikesan mengikuti dakwah Nabi Muhammad pasti akan diseksa oleh kaum Quraisy Makkah, terutama golongan hamba ataupun yang tidak mempunyai pelindung yang tuannya terdiri daripada bangsawan Quraisy Makkah.

Sikap pilih kasih musyrikin yang memilih bulu dalam menyeksa mangsa ini pun sebenarnya menimbulkan kesangsian orang Makkah yang belum mendekati Islam. Mengapa penyeksaan dan sekatan terhadap umat Islam dilalkukan?

Hijrah Rasulullah ke Madinah yang asalnya dikenali Yathrib membuka lembarab baru dalam lipatan sejarah perkembangan Islam. Di sini dakwah Islamiah dijalankan secara terbuka dan diperkukuhkan dengan perlantikan Nabi Muhammad sebagai ketua negara berperlembagaan yang baru ditubuhkan.

Penerimaan orang Madinah terhadap dakwah dan kepimpinan Nabi Muhammad pun bukanlah secara mendadak, tetapi sebagai lanjutan daripada beberapa siri pertemuan rahsia mereka dengan baginda untuk mengikuti ajaran Islam. Bahkan dua perjanjian telah dimeterai di Makkah beberapa tahun sebelum Hijrah, iaitu Aqabah I dan Aqabah II.

Di Madinah, baginda dilihat sebagai pejuang hak asasi manusia yang mampu menyusun semula struktur masyarakat yang kacau bilau. Sebab utamanya ialah monopoli kuasa ekonomi dipegang oleh korporat Yahudi di Madinah. Sesungguhnya Madinah tidak mempunyai struktur politik saperti di Makkah. Yang berkuasa hanyalah orang yang berharta yang hampir keseluruhannya puak Yahudi.

Hijrah Rasulullah yang hanya berbekalkan sehelai sepinggang bersama Abu Bakar pada malam pengepungan Quraisy di sekitar rumah yang bertujuan untuk membunuhnya menjadi bukti sikap mempertahankan diri baginda dalam menyampaikan dakwah Islamiah. Sebelum itu pun, Umar al-Khattab ketika mula-mula memeluk Islam keluar berbaris beramai-ramai menuju Kaabah untuk mengisytiharkan keislaman mereka.

Penyertaan Omar ke dalam barisan dakwah Islamiah menggembirakan Rasulullah. Bahkan baginda sering berdoa agar diislamkan salah seorang pembesar Quraisy yang bernama Umar, iaitu Umar bin al-Khattab ataupun Amru (Umar) bin Hisyam (Abu Jahal).

Cuma, baginda tidak ghairah dengan cadangan Umar itu. Dua sebab utama yang menghalang Rasulullah daripada menerima cadangan itu ialah umat Islam tidak mempunyai kekuatan dan tidak ada wahyu yang membenarkan mereka menggunakan kekerasan (peperangan ataupun pertempuran).

Sikap baginda ini membuktikan bahawa

Islam bukannya dikembangkan dengan bantuan pengaruh orang berkedudukan sahaja. Sebaliknya pengislaman Umar membuktikan bahawa Islam boleh diterima oleh mereka yang berilmu dan bijak menggunakan pertimbangan akal.

Umar memang terkenal sebagai tokoh yang berpendidikan dan bijak, tidak saperti tokoh Quraisy yang lain. Pengislaman beliau tambah menyerlahkan lagi sikap pilih kasih Quraisy kerana tidak ada sesiapa pun yang berani menegur atau menyingkir beliau daripada masyarakat Quraisy, apalagi menyeksa beliau.

PERANG UHUD

Penduduk Makkah (Quraisy) malu besar atas kekalahan mereka di medan perang Badar. Saudagar saudagarnya tidak ada yang berani lagi pergi berdagang ke Syria, takut akan ditangkap orang Islam. Kalau keadaan itu berterusan, kota Makkah akan diserang bahaya kelaparan dan krisis ekonomi. Oleh kerana itu, maka berundinglah semua pembesar Quraisy untuk mendapatkan keputusan ini. Diputuskan bahawa semua keuntungan perdagangan di tahun itu akan dipergunakan untuk membentuk satu angkatan perang yang kuat.

Kerana Abu Jahal sudah meninggal, maka Abu Sufianlah yang diangkat menjadi Panglima Perang, yang akan memimpin tentera tiga ribu orang jumlahnya. Di antara ketua pasukan mereka yang ternama ialah Safwan, anak dari Umaiyah bin Khalaf yang telah menyeksa Bilal, dan 'Ikrirnah anak Abu Jahal. Selain itu, ikut serta pula memimpin tentera, seorang yang gagah berani, iaitu Khalid Ibnul-Walid. Kaum perempuan dengan dikepalai oleh Hindun (isteri Abu Sufian), dikerahkan untuk menghibur dan menguatkan semangat perang bagi tentera yang ramai itu, mereka turut ke medan perang memukul genderang.

Kerana musuh terlalu ramai, maka Nabi berniat akan bertahan dan menanti musuh dalam kota Madinah. Tetapi suara ramai, berdasarkan siasat perang menghendaki agar musuh diserang di medan perang. Nabi tunduk kepada keputusan orang ramai ini, sekalipun dalam hatinya terasa kurang tepat. Dalam hal yang tiada turun wahyu, Nabi selalu berbincang dengan orang ramai, dan keputusan mereka pasti dijalankan dengan tawakkal, ertinya berserah kepada Tuhan.

Nabi lalu masuk ke dalam rumah memakai pakaian besinya dan mengambil pedangnya. Baru Nabi keluar, ramai di antara sahabat yang telah mengusulkan untuk menyerang tadi, mencabut usul mereka kembali, kerana ternyata kepada mereka pendirian Nabi semulalah yang benar. Tetapi keputusan itu rupanya tidak dapat diubah lagi, kerana Nabi berkata: "Tidak, Kalau seorang Nabi telah memakai baju perangnya, dia tidak akan membukanya kembali sebelum perang selesai."

Tentera Islam hanya berjumlah seribu orang. Semuanya berjalan kaki, hanya dua orang saja berkuda. Ramai pula di antara mereka itu orang tua dan anak anak yang di bawah umur.

Sebelum matahari terbenam, mereka bertolak menuju ke bukit Uhud. Sesampainya di pinggir kota Madinah, tiba tiba enam ratus orang Yahudi, kawan kawan dari Abdullah bin Ubay, menyatakan hendak turut bertempur bersama sama dengan Nabi. Tapi Nabi sudah tahu akan maksud mereka yang tidak jujur, maka ditolaknya tawaran itu

dengan berkata: "Cukup banyak pertolongan dari Tuhan."

Kerana penolakan ini, Abdullah bin Ubay malu, marah, lalu berusaha menakutkan kaum Muslimin, agar mereka jangan turut berperang; tiga ratus orang kaum Muslimin dapat dihasut, sehingga kembali pulang ke Madinah; mereka inilah yang dinamakan kaum Munafik. Maka tinggallah Nabi dengan tujuh ratus orang tentera saja menghadapi musuh yang jumlahnya empat kali ganda itu.

Tanpa diketahui musuh, sampailah kaum Muslimin di bukit Uhud di waktu dinihari. Segera Nabi mengatur siasat perang. Bukit itu digunakan sebagai pelindung dari belakang, sedang dari sebelah kiri, dilindungi oleh bukit Ainain. Lima puluh orang diserahkan Nabi menjaga celah bukit dari belakang dikepalai oleh Ibnuz-Zubair, dengan perintah bahawa mereka tidak boleh meninggalkan tempat itu, sekalipun apa juga yang akan terjadi.

Tiba tiba kedengaranlah sorak gemuruh musuh dari bawah lembah. Mereka sudah melihat akan tentera Islam. Segera mereka bergerak maju, menyerang dengan formasi berbentuk bulan sabit, dipimpin oleh Khalid Ibnul-Walid sayap kanannya dan Ikrimah bin Abu Jahal sayap kirinya.

Seorang musuh berunta maju sampai tiga kali menentang tentera Islam. Pada kali ketiga, maka melompatlah Zubair sebagai harimau ke punggung unta itu. Musuh tadi dibantingkannya ke tanah, lalu dibedah dadanya oleh Zubair dengan pisau. Abu Dujanah setelah meminjam pedang Nabi sendiri, lalu menyerbu ke tengah tengah musuh yang ramai itu. Pertempuran hebat segera berkobar dengan dahsyat.

Arta pemegang panji panji musuh, gugur oleh Hamzah. Sibak yang menggantikan Arta segera berhadapan dengan Zubair. Setelah Sibak tewas menyusul Jubair bin Mut'im menghadapi Hamzah, untuk membalas dendam kerana Hamzah telah dapat menewaskan pamannya di medan perang Badar. Jubair takut berhadapan dengan Hamzah. Hanya diperintahkan hambanya Wahsyi, bangsa Habsyi, dengan perjanjian apabila budak ini dapat menewaskan Hamzah dia akan dimerdekakan.
Dengan menyeludup di balik belukar dari belakang Hamzah, dengan memgunakan tombak, Hamzah dapat ditikamnya sehingga syahid di saat itu juga.

Hamzah adalah pemegang panji panji Islam di kala syahidnya itu. Panji panji itu segera diambil oleh Mus'ab bin 'Umair. Ia ini pun tewas di hadapan Nabi sendiri. Ali tampil menggantikannya. Sebagai kilat Ali dapat menetak leher musuhnya yang memegang panji panji itu. Pergolakan hebat berkisar di sekitar panji panji musuh yang sudah rebah ke tanah. Berpuluh puluh musuh tewas di sekitar panji panji itu, bersama dengan panji panjinya. Barisan musuh mulai kucar kacir.

Melihat musuh lari tunggang langgang, tentera yang lima puluh orang yang diserahi menjaga celah bukit itu, lupa kepada kewajibannya. Mereka turut mengejar musuh yang lari meninggalkan tempat pertahanan mereka, kerana mengharapkan harta rampasan yang banyak, kepunyaan musuh yang lari itu. Dengan suara yang keras sampai serak, Ibnuz-Zubair menyuruh mereka kembali, tapi tidak diacuhkannya samasekali.

Melihat tempat pertahanan yang stratejis itu telah kosong tentera musuh yang lari dengan dipimpin oleh Khalid Ibnul-Walid itu, segera mengarah ke tempat pertahanan yang kosong itu. Dengan melalui celah bukit itu mereka menyerang tentera Islam dari belakang.

Ibnuz-Zubair yang tetap bertahan seorang diri di situ, tewas diinjak oleh kuda kenderaan Khalid sendiri. Panji panji Quraisy yang sudah rubuh itu berkibar kembali dipegang oleh seorang perempuan Makkah, 'Umarah binti 'Alkamah namanya.

Tentera Islam menjadi kacau bilau. Sebahagian telah lari pulang ke Madinah, Usman bin 'Affan sendiri terbawa juga. Para sahabat bergelimpangan ke bumi menemui ajalnya. Anak panah dan batu tidak putus putus menghujani tentera Islam yang berkumpul di sekitar Nabi; tiba tiba Nabi dilontar oleh batu, sehingga luka parah dan patah giginya. Baju besi yang kena batu, pecah dan pecahannya menembus ke pipi Nabi. Abu Usman mencabut besi itu dari daging Nabi sehingga giginya pun patah pula.

Nabi terjatuh ke sebuah lubang yang agak dalam sehingga hilang dari pandangan orang ramai. Pasukan Quraisy lalu berteriak mengatakan, bahawa Muhammad sudah tewas. Ali dan Talhah segera menolong dan mengeluarkan Nabi dari dalam lubang itu. Umar, Abu Bakar dan Ali pun serentak menyerbu ke tengah tengah musuh sebagai singa yang lapar layaknya. Maka tinggallah Nabi dilindungi oleh Abu Dujanah dan Abu Talhah saja. Badan Abu Dujanah penuh luka untuk menangkis segala serangan yang ditujukan kepada Nabi, sehingga kerana luka dan keletihan, dia pun meninggal. Seorang perempuan Ansar melihat Nabi tinggal seorang diri, lalu menyerbu ke muka menikam setiap musuh yang menuju ke arah Nabi, sehingga perempuan itu pun tewas pula. Perempuan itu Ummu 'Umarah namanya.

Dalam pada itu, suara musuh yang mengatakan Nabi sudah tewas itu, segera menjalar di medan pertempuran. Mendengar itu, Ali, Umar dan Abu Bakar bukan main terperanjatnya, sehingga semangat pertempurannya menjadi tergoda kerananya. Melihat itu Anas bin Nadhir berkata kepada mereka:

"Kenapa kamu kecewa? Kalau betul Nabi sudah wafat, apa gunanya hidup ini bagimu? Ayuh! Mari kita bunuh musuh seramai mungkin sampai kita syahid pula sebagai Nabi sendiri!"

Sebagai teladan, dia segera melompat menerkam musuh. Dia rebah penuh dengan luka-luka sehingga tidak dapat dikenal lagi rupanya. Badan, muka dan jari jarinya putus kena pedang musuh. Hanya saudara perempuannya saja yang dapat mengenal dia dalam keadaan yang demikian itu. Ali, Umar dan Abu Bakar menyusul berjuang mati matian menetak musuh dengan pedangnya. Semangat tentera Islam hidup kembali.

Tiba tiba terdengar Ka'ab bin Malik berteriak mengatakan Nabi masih hidup segar bugar, malah beliau pun sedang berjuang mati matian. Dari segala penjuru, tentera Islam menyerbu menyusur ke tempat Nabi berada. Nabi yang sedang terkepung dari segala penjuru, dapat mereka bela, sehingga terlepas dari bahaya besar. Mereka lalu merebut kembali celah bukit yang stratejis dikuasai musuh itu. Dengan direbutnya tempat itu, musuh dikepung ditengah tengah. Perlawanan musuh dapat dipatahkan dan akhirnya lari menyusup dilereng bukit Uhud, dimana terjadi pertempuran maju mundur beberapa hari lamanya. Kerana sudah keletihan dan banyak korban, mereka lalu pulang ke Makkah kembali.

Dalam pertempuran itu, ummat Islam menderita kerugian yang lebih besar, tujuh puluh orang tewas. Sedang di pihak musuh hanya dua puluh tiga orang saja yang tewas. Sungguh mahal

harganya strateji yang ditetapkan Nabi kerana dengan melengahkan strateji itu dan harus membayar dengan tujuh puluh orang korban dan Nabi sendiri pun dapat luka dan hampir saja menjadi korban.

Kerugian besar itu menimbulkan keinsafan yang lebih dalam kepada tentera Islam, keinsafan bahawa perintah Nabi jangan sampai dilanggar dan diabaikan. Dengan keinsafan inilah mereka meneruskan perang mereka di hari hari yang berikutnya, sehingga mendapat kemenangan yang gilang gemilang.

Sehabis perang Uhud itu kekejaman musuh semakin bertambah juga. Jenazah jenazah tentera Islam yang bergelimpangan di medan perang, mereka koyak koyak dan hinakan. Dengan ramainya korban orang orang Islam dan sedikitnya korban di pihak mereka, mereka sama sama menyombongkan diri kerana mengira bahawa tentera Islam akan dapat dibinasakan semuanya. Yahudi Madinah mulai ingin bersahabat dengan bangsa Quraisy untuk menyerang orang Islam, melanggar janji yang sudah mereka tandatangani di hadapan Nabi sendiri. Kaum munafik (yang bergabung dengan orang Islam, kerana takut dan lain alasan, bukan kerana keinsafan), makin terang terang mengkhianati kaum Islam.

Guru guru Islam yang dikirim Nabi ke desa desa di pedalaman Arab tujuh puluh orang jumlahnya, hampir seluruhnya dibunuh oleh golongan Yahudi dan kaum munafik itu. Hal ini sangat menyedihkan Nabi.

PERANG KHANDAK

Di Madinah terdapat komplot yang mahu membunuh Nabi, yang digerakkan oleh orang orang Yahudi (Banu Nadhir). Di kala Nabi berjalan jalan di lorong mereka, nyaris saja Nabi dapat mereka bunuh. Untung Nabi dapat mengetahui terlebih dahulu, sehingga terhindar dari bahaya. Hal ini ternyata melanggar perjanjian mereka dengan Nabi.

Kerana ini, sesuai dengan perjanjian itu, maka Nabi mengeluarkan perintah agar semua bangsa Yahudi keluar dari kota Madinah dan kepada mereka diizinkan membawa semua harta benda dan kekayaan mereka. Tetapi mereka menentang perintah ini kerana merasa kuat dan mengharapkan bantuan Abdullah bin Ubay.

Sesudah dikepung oleh tentera Islam, mereka menyerah kalah, dilucutkan senjata dan diusir keluar Madinah. Pengusiran ini terjadi pada bulan Rabi'ul Awwal tahun keempat Hijrah.

Dengan pengusiran ini, bergabunglah kekuatan Yahudi dengan kekuatan kaum kafir Quraisy yang ada di kota Makkah, untuk menyerang Nabi dan ummat Islam. Kekuatan mereka ditambah lagi dengan bergabungnya orang Ghatafan dan Habsyi. Kota Madinah dikepung dari segala pihak oleh tentera gabungan musuh ini.

Menurut nasihat Salman al-Farisi (sahabat Nabi bangsa Persia), Nabi memerintahkan untuk menggali parit di sekeliling kota Madinah, lebih lebih daerah yang kurang kuat pertahanannya. Satu sektor dan parit ini, diserahkan kepada Banu Quraidzah mempertahankannya.

Di luar parit pertahanan itu, tampak tentera musuh berkumpul dengan khemah mereka, yang berjumlah tidak kurang dari sepuluh ribu tentera, terdiri dari kaum Quraisy, Banu Kinanah, Ghatafan, Tihamah dan Najid.

Nabi hanya dapat mengumpulkan tentera dua ribu orang. Setiap tentera Islam sudah siap di pinggir parit pertahanan, mereka menanti musuh yang datang menyerang. Setiap musuh yang datang menyerang, dapat diundurkan. Akhirnya musuh mengundur diri dan mengubah cara dengan menghalang agar penduduk kota Madinah mati kelaparan.

Dua puluh hari dua puluh malam lamanya halangan itu dijalankan. Kaum Muslimin mulai diserang kelaparan. Keadaan bertambah sulit bagi ummat Islam, setelah pemimpin Banu Quraidzah yang bernama Ka'ab bin Asad menyeleweng dan lari ke pihak musuh, sedang dia adalah orang yang tahu benar strateji pertahanan Nabi.

Ramai tentera Islam yang takut dan khuatir kerana peristiwa itu. Mereka khuatirkan kalau kalau kerana pengaruh orang orang munafik yang menyeleweng itu, teman temannya yang lain dalam tentera Islam akan turut menyeleweng sama. Setelah lebih dua puluh hari, tentera musuh tidak tahan hati, lalu menyerbu dengan melompati parit yang agak sempit dengan kuda mereka.

Ali yang berbadan kecil itu, telah dapat membunuh pemerintah tentera musuh yang bernama 'Amru bin Abdu Wid yang berbadan besar dan gemuk. Sedang Safiah, anak perempuan nenek Nabi (Abdul Muttalib), dapat menewaskan pemuka Yahudi.

Kerana keadaan, Nabi mengadakan tipu muslihat. Nu'aim adalah pemuka bangsa Ghatafan yang telah masuk Islam tetapi tidak diketahui oleh kaumnya, diutus oleh Nabi untuk menemui musuh dengan tipu muslihat. Bangsa Ghatafan (Yahudi) dihasutnya untuk tidak percaya kepada bangsa Quraisy dan sebaliknya bangsa Quraisy pun dihasutnya supaya tidak percaya kepada bangsa Ghatafan, dengan kata katanya.

Barisan musuh mulai saling mencurigai antara satu sama lain. Di kala itu turunlah angin keras, menyebabkan musuh lebih kelam kabut takut kepada kawan sendiri. Akhirnya mereka mengundurkan diri ke kampungnya masing masing.

Setelah tempat itu bersih dari semua tentera musuh, Nabi lalu berkata kepada kaum Muslimin: "Ini adalah kali penghabisan buat bangsa Quraisy menyerang kita. Mulai sekarang kita diwajibkan menyerang mereka."

Sebelum sembahyang Asar di hari itu juga, di kala tentera Islam yang letih dan lesu itu sedang beristirahat, tiba tiba terdengar mu'azzin azan dengan suara yang nyaring. Kaum Muslimin lalu berkumpul mahu sembahyang. Tetapi sebelum sembahyang, mu'azzin itu menyiarkan perintah Nabi yang berbunyi: "Barangsiapa yang suka mendengar dan patuh, tidaklah ia sembahyang Asar hari ini, kecuali di tempat kediaman Banu Quraidzah."

Hal ini bererti bahawa mereka di saat itu juga harus menyerang Banu Quraidzah yang telah mengkhianati kaum Islam di medan perang dan ini adalah perintah Malaikat kepada Nabi.

